

## **BAB SATU**

### **PENGENALAN**

## **BAB SATU**

### **Pengenalan**

#### **Latar Belakang Projek**

Kerajaan, melalui Kementerian Pendidikan, mempunyai hasrat agar pendidikan Bahasa Melayu di sekolah, khususnya pada peringkat menengah, akan menjadikan pelajar berupaya mencapai hal-hal yang berikut (Abdul Kipli, 1995):-

- (a). menghargai dan mempunyai rasa bangga terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara, serta alat perpaduan rakyat sesuai dengan prinsip Rukun Negara.
- (b). memahami sistem bahasa Melayu dari segi bentuk, makna, dan fungsi, serta menggunakannya dengan tepat dalam kehidupan seharian.
- (c). menggunakan bahasa Melayu dengan berkesan dalam semua bidang ilmu pengetahuan dan perhubungan harian; dan
- (c). membaca bahan yang pelbagai sebagai satu amalan yang selaras dengan ledakan maklumat untuk menimba ilmu pengetahuan dan untuk memenuhi masa lapang.

Dalam pendidikan Bahasa Melayu di sekolah menengah khususnya, strategi yang menekankan interaksi pelajar seperti belajar melalui pengalaman sendiri telah digunakan. Strategi ini akan membina keyakinan berbahasa dalam diri pelajar. Cara dan teknik yang baik dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu ialah kaedah yang memungkinkan penyertaan pelajar yang aktif untuk keyakinan berbahasa. Azman Wan Chik (1985)

menyatakan aktiviti seperti kegiatan berpasangan, berkumpul, simulasi, main peranan dan sebagainya akan memungkinan pelajar menguasai kecekapan dan ketrampilan berbahasa. Situasi begini tidak sahaja melibatkan semua pelajar tetapi juga mementingkan aspek kognitif, emosi, pergaulan dan psikomotor para pelajar. Ini kerana kecekapan mendengar dan bertutur, membaca dan menulis adalah berasaskan ketepatan tatabahasa.

Kajian Abdul Ghafar (1990) juga mendapati bahawa masalah yang sering dihadapi oleh guru-guru bahasa ialah masalah pelajar-pelajar yang keberatan mengemukakan idea dan pandangan mereka serta enggan berfikir. Ini disebabkan oleh rasa rendah diri dan tidak yakin pada kebolehan sendiri.

Halliday (1973) menegaskan bahawa keupayaan pemerolehan bahasa perlu melalui proses kognitif dan interaksi. Justeru itu, seorang pendidik perlu menggunakan kaedah dan teknik yang berkesan bersama-sama kemahiran berkomunikasi yang bersesuaian bagi mencapai pendidikan Bahasa Melayu yang produktif.

Koh Boh Boon (1980) menyatakan bahawa modul adalah satu unit yang sempurna ataupun sebahagian daripada topik yang lebih luas. Ia mengembangkan isi dalam satu turutan langkah-langkah yang teratur dan mudah difahami.

Ayat pasif merupakan satu bahagian yang penting dan mempunyai kedudukan yang tinggi di dalam tatabahasa bahasa Melayu. Ayat pasif adalah sebahagian daripada pengolongan ayat bahasa Melayu. Namun begitu, pengajaran dan pembelajaran ayat pasif sering diabaikan oleh guru yang

mengajar bahasa Melayu. Justeru itu, ayat pasif terus mendapat kedudukan yang rendah dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

### **Pernyataan Masalah**

Objektif utama dalam pengajaran mata pelajaran Bahasa Melayu ialah untuk melahirkan para pelajar yang fasih dan lancar dalam pertuturan; cekap, kritis dan analisis dalam pembacaan serta kreatif dalam penulisan. Keempat-empat kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis dalam mata pelajaran bahasa memainkan peranan sebagai alat berfikir.

Sistem pendidikan di Malaysia telah mengalami reformasi. Reformasi pendidikan dilaksanakan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang wujud dalam sistem pendidikan di samping untuk memenuhi keperluan-keperluan semasa dan kehendak-kehendak masa hadapan. (Wan Mohd Zahid Mohd Nordin, 1993).

Dengan pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah pada tahun 1983 dan kemudiannya berubah menjadi Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) mulai akhir tahun 1994, serta Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) mulai tahun 1988, kandungan kurikulum sekolah juga berubah. Sepatutnya perubahan ini juga memberi perubahan kepada mutu pengajaran dan pembelajaran. Perubahan kurikulum tanpa sebarang perubahan terhadap corak pengajaran dan pembelajaran tidak akan mencapai matlamat pendidikan yang diharapkan.

Abdul Hamid Mahmood (1990) menyatakan bahawa dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa, penggunaan pelbagai bahan dan pendekatan

pengajaran secara kerjasama adalah penting bagi meningkatkan penguasaan bahasa. Oleh itu, guru bahasa haruslah bijak memilih kaedah yang paling berkesan kerana tiada kaedah yang paling baik dan berkesan dalam semua keadaan bagi semua aspek pengajaran.

Ayat pasif sering menjadi masalah khususnya kepada pelajar-pelajar bukan Melayu. Masalah ini amat nyata di kalangan pelajar bukan Melayu yang datang dari sekolah Cina dan Tamil (V. Sandrasegaran, 1989). V. Sandrasegaran (1989) berpendapat bahawa jika pelajar-pelajar bahasa Melayu memahami konsep pembentukan ayat pasif dengan baik, maka tidak akan wujud lagi masalah. Penggunaan ayat pasif yang betul menandakan bahawa seseorang itu dapat menguasai satu aspek bahasa Melayu dengan baik. Penguasaan bentuk-bentuk ayat pasif merupakan satu kelebihan bagi pelajar-pelajar bahasa Melayu. Kemampuan ini membolehkan mereka mengujar dan menulis ayat-ayat yang berbagai-bagai variasi. Justeru itu, mutu bahasa yang digunakan, baik dalam bentuk lisan mahupun tulisan, akan meningkat. Dengan itu, pencapaian mereka turut meningkat. Lagipun, penggunaan ayat-ayat pasif dalam tulisan memperlihatkan kreativiti bahasa seseorang.

Untuk memastikan penguasaan kemahiran bahasa yang berkesan khasnya dalam penguasaan ayat pasif bahasa Melayu, pendekatan baru yang lebih efektif perlu digunakan. Pendekatan pengajaran tradisi yang diamalkan oleh guru menyebabkan pengajaran dan pembelajaran menjadi stereotaip. Kaedah pengajaran ini membosankan pelajar dengan sifatnya yang dingin dan beku (Raminah Hj Sabran, 1987).

Awang Had Salleh (1978) dalam kajiannya juga mendapati pengajaran guru bahasa tidak menarik, tidak mencabar, membosankan, tanpa persediaan dan tidak menggunakan bahan mengajar sepenuhnya.

Guru bahasa yang mengamalkan kaedah tradisi, iaitu menurut setiap bahagian kurikulum secara rigid merupakan salah satu punca kegagalan beberapa aspek Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) selama ini (Sundralingam, 1989).

### **Kepentingan Kajian**

- (a). Kajian ini akan mengenal pasti masalah-masalah pembelajaran ayat pasif bahasa Melayu di kalangan pelajar dan seterusnya membantu meningkatkan pencapaian akademik mereka.
- (b). Hasil kajian ini dapat membantu guru-guru dalam pemilihan alternatif seperti pengajaran bermodul dalam usaha mereka meningkatkan tahap pencapaian di kalangan pelajar.
- (c). Kajian ini akan menggalakkan amalan pendekatan pengajaran yang sistematik secara meluas di sekolah-sekolah menengah.

### **Tujuan Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk memenuhi tujuan-tujuan berikut:

- (a). Mengkaji keberkesanan Modul Pengajaran Ayat Pasif dalam pengajaran pembelajaran *Ayat Pasif* bahasa Melayu di kalangan pelajar Tingkatan Dua di sebuah sekolah menengah di daerah Kuantan di negeri Pahang Darul Makmur.

- (b). Menguji kesesuaian Kaedah Pengajaran Bermodul bagi *Ayat Pasif* bahasa Melayu di peringkat sekolah menengah.

### **Persoalan Kajian**

Kajian ini akan menjawab persoalan sama ada Kaedah Pengajaran Bermodul boleh menghasilkan pencapaian *Ayat Pasif* bahasa Melayu yang lebih baik dalam konteks sistem sekolah di Malaysia. Bagi memenuhi keperluan penyelidikan, soalan berikut telah dikemukakan untuk kajian:

"Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian praujian dengan pascaujian *Ayat Pasif* bagi para pelajar yang mengikuti Kaedah Pengajaran Bermodul *Ayat Pasif*".

### **Batasan Kajian**

- (a). Kajian ini hanya dijalankan di sebuah sekolah menengah bantuan penuh kerajaan di daerah Kuantan, di negeri Pahang Darul Makmur. Justeru itu, hasil kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada sekolah lain.
- (b). Subjek kajian terdiri daripada para pelajar Tingkatan Dua di sekolah menengah terpilih.
- (c). Penyelidik hanya menggunakan topik-topik tertentu dalam sukatan pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan Dua dalam pendekatan pengajaran yang diperkenalkan. Penyelidik hanya menumpukan perhatian kepada:
- (i). *Ayat Pasif* dengan kata ganti nama diri orang pertama,
  - (ii). *Ayat Pasif* dengan kata ganti nama diri orang kedua,
  - (iii). *Ayat Pasif* dengan kata ganti nama diri orang ketiga,

- (iv). Ayat Pasif Songsang dengan kata ganti nama diri orang pertama,
- (v). Ayat Pasif Songsang dengan kata ganti nama diri orang kedua, dan
- (vi). Ayat Pasif Songsang dengan kata ganti nama diri orang ketiga.
- (d). Bagi guru yang belum ada pengalaman dalam pengajaran dan pembelajaran bermodul, pendedahan yang secukupnya telah diberikan sebelum kajian sebenar dilakukan.

### **Peristilahan**

**Keberkesanan.** Pencapaian yang diperolehi oleh pelajar atau dengan kata lain hasil sesuatu pembelajaran yang dikuasai oleh pelajar.

**Modul pengajaran.** Bahan pengajaran yang dilengkapi dengan matlamat, objektif, isi kandungan mata pelajaran, strategi, dan gerak kerja serta cara penilaian isi kandungan mata pelajaran tersebut. Modul ini memuatkan semua maklumat untuk membolehkan guru mengajar dan pelajar belajar dengan lebih berkesan.

**Pencapaian akademik.** Para pelajar dari kedua-dua kumpulan iaitu Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan akan menduduki satu pascaujian (Lampiran E). Soalan-soalan dalam ujian ini adalah setara dengan praujian (Lampiran A) yang diambil oleh para pelajar sebelum mengikuti kaedah pengajaran yang telah ditetapkan. Skor yang diperolehi dari pascaujian itu dikenali sebagai pencapaian akademik iaitu keupayaan pelajar menguasai isi kandungan pelajaran dan kebolehan menghasilkan tingkah laku yang diinginkan dalam mencapai matlamat pembelajaran.



**Pengajaran.** Pengajaran secara operasional adalah usaha untuk membolehkan pemelajaran berlaku dalam diri individu pelajar dan orang lain. Ia merangkumi penyediaan rancangan dan penggunaan teknik, alat-alat dan sumber-sumber tertentu (Robiah Sidin, 1990).

**Pemelajaran.** Proses di mana pelajar membentuk cara pemikiran yang baru atau mengubahsuaikan pemikirannya dan mampu menunjukkan perubahan dalam tingkah lakunya (Tyler, 1977).

**Pelajar.** Kajian ini hanya melibatkan pelajar Tingkatan Dua di sebuah sekolah menengah bantuan penuh kerajaan di daerah Kuantan, di negeri Pahang Darul Makmur.

**Kaedah pengajaran bermodul.** Kaedah Pengajaran Bermodul menjalankan pengajaran pemelajaran berdasarkan modul. Kaedah Pengajaran Bermodul menggunakan strategi, gerak kerja dan penilaian pada setiap pelajaran yang membolehkan penglibatan aktif pelajar dalam kumpulan dan perseorangan.

**Kaedah pengajaran tradisional.** Kaedah Pengajaran Tradisional menggunakan kaedah yang biasa berlaku di sekolah, iaitu dengan kapur dan pertuturan. Pengajaran dan pemelajaran adalah berpusat kepada guru manakala pelajar bersifat pasif. Guru tidak menjalankan ujian ke atas topik selepas tamat sesuatu topik. Walaupun demikian, satu ujian akan diberi pada akhir pengajaran sesuatu bab. Buku teks merupakan bahan pengajaran utama dalam pengajaran pemelajaran kaedah ini.

**Kumpulan eksperimen.** 29 orang pelajar Tingkatan Dua dipilih secara rawak berkelompok untuk mewakili kumpulan Kaedah Pengajaran

Bermodul (Kumpulan Eksperimen). Kumpulan pelajar ini belajar *Ayat Pasif* bahasa Melayu dengan Kaedah Pengajaran Bermodul iaitu menggunakan modul pengajaran. Kaedah Pengajaran Bermodul menggunakan strategi, gerak kerja dan penilaian pada setiap pelajaran yang membolehkan penglibatan aktif pelajar dalam kumpulan dan perseorangan.

Kumpulan kawalan. 25 orang pelajar Tingkatan Dua dari sekolah yang sama dipilih secara rawak berkelompok bagi membentuk kumpulan kawalan. Kumpulan kawalan mengikuti Kaedah Pengajaran Tradisional dalam pengajaran pemelajaran *Ayat Pasif* bahasa Melayu. Bentuk pengajaran pemelajaran berpusat kepada guru di mana buku teks menjadi teras bacaan dan semua maklumat disampaikan di dalam kelas.